

Star 19/6/2011 MS 8.



selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak tersebut.

Jenayah rasuah boleh berlaku sekiranya terdapat ruang dan peluang dan di mana akan melibatkan individu, masyarakat, organisasi, kerajaan dan negara.

Siapa terlibat?

RASUAH melibatkan dua pihak berkepentingan bagi mendapatkan sesuatu diinginkan manakala penerima merupakan pihak mempunyai kuasa dan berkedudukan dalam bidang tertentu. Bagi mereka yang disabitkan kesalahan kerana merasuah hukumannya adalah sama tidak kira si pemberi atau pun penerima.

Kelemahan sistem sesebuah jabatan atau organisasi juga menjadi penyumbang berlaku rasuah sekiranya ketua sendiri tidak tegas dan mengamalkan rasuah seperti pepatah 'cikgu kencing berdiri anak murid kencing berlari'.



SATU KESALAHAN memberi rasuah kepada pegawai awam

pesalah tadi selepas menerima suapan.

- **Salah guna kuasa**
 - Seseorang yang berkedudukan dalam sesebuah organisasi memberikan atau menawarkan projek kepada pihak tertentu yang menyogoknya bagi mendapatkan projek tersebut.
- **Tuntutan palsu**
 - Seorang kontraktor mengemukakan tuntutan palsu bukan nilai sebenar kepada projek yang dilaksanakan. Ia tidak mengikut spesifikasi ditetapkan tetapi menuntut nilai lebih daripada sepatutnya.

Bentuk suapan

- Sebarang bentuk balasan berharga, diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan.
- Apa sahaja tawaran, aku janji atau janji sama ada bersyarat atau tidak untuk memberikan suapan mengikut pengertian seperti mana-mana perenggan dinyatakan di atas.

Modus operandi

RASUAH mempunyai modus operandi tersendiri bagi memastikan kegiatan itu tidak dihidu pihak berkuasa. Pelbagai cara digunakan sebagai usaha mengaburi mata pihak berkuasa.

Harus diingat mereka terlibat ini sama ada perseorangan atau sindiket licik adalah sukar dihidu. Ini kerana kedua-dua belah pihak terlibat mempunyai kepentingan tertentu dan ia hanya dibongkar atau dilaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya salah seorang rasa dikhianati.

1. Beli hati

MODUS operandi mereka bergerak secara sindiket dalam kegiatan rasuah adalah sangat licik dan teratur. Sindiket seperti ini biasanya menjalankan kegiatan haram. Oleh itu mereka akan mendekati orang yang mempunyai kedudukan atau kuasa di dalam sesebuah organisasi melalui orang tengah. Orang tengah berperanan memastikan misi tercapai. Menariknya sindiket

Operandi disediakan wartawan, Ahmad Norman Abu Talib minggu ini, mengupas isu rasuah hasil temu bual bersama Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat SPRM, Datuk Ahmad Khusairi Yahaya pada Khamis lalu.

Definisi

RASUAH ialah suatu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan (favours) dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat

Mengapa?

RASUAH terjadi kerana sifat tamak haloba menguasai diri hingga manusia hilang pertimbangan setelah disajikan wang ringgit.

Di sinilah kelemahan diri memainkan peranan yang menyebabkan seseorang itu tidak mampu mengawal nafsu dan godaan pihak tertentu, ditambah dengan iman yang nipis. Tidak perlu tahu dari mana sumber wang asalkan puas dan mewah.



Jenis kesalahan

TERDAPAT tiga jenis kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009:

- **Beri dan terima rasuah**
- Individu yang ditahan polis kerana kesalahan trafik cuba merasuah untuk melepaskan diri daripada dikenakan saman. Manakala polis tersebut pula bertindak melepaskan si

Bentuk suapan
BERDASARKAN undang-undang sedia ada, rasuah juga dipanggil suapan. Antara bentuk suapan adalah :

- Wang, derma, pinjaman, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta.
- Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian.
- Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian pinjaman.

tercapai. Menaikinya sindiket tidak membabi buta tetapi akan membuat 'kaji selidik' terlebih dahulu .

Ia dilakukan berperingkat dan kadang kala mengambil masa. Konsepnya mudah iaitu membeli hati si penerima terlebih dahulu sebelum dia termakan budi. Peringkat permulaan sindiket akan memperkenalkan diri tanpa menunjukkan belang sebenar niat mereka. Selepas mengetahui minat individu tersebut hasil daripada kajian dijalankan mereka akan mengumpam.

Sinar 19/6/2011 MS 9

Sekiranya individu tersebut peminat sukan golf maka sindiket akan berpura-pura mengajak bermain golf atau menghadihkan set golf. Apabila hubungan semakin rapat atau lebih tepat lagi jerat sudah mengena barulah mereka meminta hajat seperti meluluskan projek, tender atau tidak mengambil tindakan terhadap sesuatu kesalahan jenayah dilakukan.

2. Rasuah jalanan

RASUAH seperti ini berlaku merata dan tidak mengira waktu. Kebiasaannya pemberi dan penerima tidak kenal sesama sendiri kerana berlaku spontan terutama sekiranya si pemberi berhadapan dengan masalah penguatkuasaan.

Cara beri rasuah

- Melalui wang tunai
- Guna orang tengah untuk beri atau kutip wang (orang kepercayaan)
- Memindahkan wang melalui transaksi akaun. Kebiasaannya tidak dipindah terus ke dalam akaun si penerima tetapi akaun atas nama individu lain.
- Beri kad ATM serta nombor pin keselamatan.
- Tidak akan sesekali beri cek kerana boleh dihidu pihak berkuasa.

Penerima juga bijak kerana mereka tidak akan sesekali menyimpan wang tunai berkenaan dalam akaun kerana jumlah yang banyak boleh menyebabkan mereka berkemungkinan disiasat. Jadi mereka mengambil langkah menyimpan di tempat lain seperti dalam rumah, beg dan almari atau tempat dirasakan selamat.

Malah untuk mengelak daripada dikesan, penerima akan membuat pelbagai helah seperti membeli hartanah, melabur, membuka perniagaan yang didaftarkan atas nama orang lain atau membeli saham. Kesemua taktik seperti ini dipanggil penggubahan wang haram.

Terma

MEREKA menggunakan pelbagai terma atau bahasa isyarat difahami kedua-dua pihak. Antaranya:

- Komisen
- Duit kopi
- Tumbuk rusuk (istilah lama)
- Upah
- Sedekah
- Sumbangan
- Hadiah
- Wang pelincir
- Lembu

Pencegahan

UNTUK menangani gejala ini bukanlah sesuatu perkara mudah tetapi perlu diperangi habis-habisan kerana memusnahkan tamadun.

SPRM mengambil beberapa pendekatan bagi mengatasinya melalui:

- Pendidikan
- Siasat dan dakwa
- Kempen, ceramah, program dan seminar
- Melalui media massa

Sebelum kita menerima sesuatu tawaran atau hadiah, maka lebih baik sekiranya mengetahui punca sebenar pemberian itu.

Melalui tindakan ini, secara tidak langsung dapat mencegah berlakunya rasuah.

Bersama-samalah dalam memerangi rasuah. Orang ramai boleh melaporkan sebarang maklumat berhubung rasuah di talian 03-88867000 atau talian bebas tol 1-800-88-6000 atau melayari laman web <http://www.sprm.gov.my>.

Allah SWT berfirman bermaksud:

'Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).'

SUMBER: Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Ahmad Khusairi Yahaya.



Ketelusan dalam bekerja penting dan jangan sesekali terlibat rasuah.